



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jld. 45  
Bil. 12

**7 Jun 2001**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

AKTA EKSAIS 1976  
(Akta 176)

**No. 176.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESEN) 1977

Adalah dengan ini diberikan notis bahawa Lembaga Pelesen (Eksais) Negeri, Pulau Pinang akan mengadakan mesyuarat suku tahun yang kedua bagi tahun 2001 pada hari Khamis 21 Jun 2001, jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Nilam, Tingkat 53, KOMTAR, Pulau Pinang untuk menimbangkan segala permohonan lesen liquor yang baharu bagi tahun 2001, penukaran nama pelesen serta pemindahan alamat tempat perniagaan lesen liquor.

2. Permohonan-permohonan hendaklah dikemukakan dalam borang tertentu (sebanyak lima salinan) dan dihantar kepada Pengurus, Lembaga Pelesen (Eksais), d/a Jabatan Kewangan Negeri, Tingkat 23, KOMTAR, 10990 Pulau Pinang.
3. Pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan lesen liquor yang baharu hendaklah menggunakan perbelanjaan sendiri bagi:
  - (a) Mengiklankan permohonan tersebut di dalam akhbar tempatan (keratan-keratan iklan yang telah disiarkan hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini); dan
  - (b) Menampalkan satu salinan notis iklan di Bangunan yang dikehendaki dilesenkan itu selama tidak kurang daripada dua minggu sebelum tarikh mesyuarat itu.

4. Notis juga diberi bahawa mengikut peraturan 11(2), Peraturan-peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) 1977, setiap permohonan melainkan permohonan untuk Lesen Sementara dan permohonan di bawah Peraturan 8, mesti sampai ke pejabat Pengerusi tidak lewat daripada empat minggu sebelum tarikh mesyuarat yang tertentu di atas. Permohonan-permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Bertarikh 22 Mei 2001.

[(41) dlm. PSUK/PP/15286. Jld. 4 (SULIT).]

DR. TENG HOCK NAN,  
Pengerusi,  
Lembaga Pelesen (Eksais) Negeri,  
Pulau Pinang  
d/a Jabatan Kewangan Negeri,  
Pulau Pinang

#### PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA